

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

9. Apakah kategori jalan yang dibenarkan pembinaan bonggol jalan:-
- (a) Sila huraikan spesifikasi bonggol jalan.
  - (b) Apakah tindakan terhadap bonggol jalan yang gagal mematuhi spesifikasi.
  - (c) Adakah bonggol-bonggol jalan di Jalan Gamelan Indah akan diratakan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Kategori jalan yang dibenarkan pemasangan bonggol jalan mestilah tertakluk kepada kelajuan tidak melebihi 45 km/j dan mempunyai kelebaran rezab jalan sekurang-kurangnya 4.88 meter (16 kaki) dan 20.12 meter (66 kaki). Ini bagi mengelakkan berlakunya kemalangan langgar belakang oleh kenderaan yang melalui jalan tersebut.
- (a) Spesifikasi bonggol jalan adalah tidak melebihi 100 mm tinggi dengan kelebaran di antara 3 meter ke 6 meter pada satah halaju permukaan jalan yang rata dan lebar.
  - (b) Tindakan yang akan diambil terhadap bonggol jalan yang gagal mematuhi spesifikasi adalah seperti mengeluarkan notis di

bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Seksyen 46 – Halangan) dan menjalankan operasi memecah dan membuang bonggol tersebut serta membina semula mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

- (c) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak mempunyai cadangan untuk meratakan bonggol di Jalan Gamelan Indah kerana ianya mematuhi kriteria dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Di samping itu, bonggol tersebut masih berada dalam keadaan baik dan tiada sebarang aduan yang diterima berkenaan pemasangan bonggol berkenaan.